

# PM kecewa sikap Britain

**K**UALA LUMPUR 1 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa kecewa dengan sikap Kerajaan Britain yang berdiam diri dengan pembbohongan yang dilakukan oleh media massa negara berkenaan.

Beliau juga mempersoalkan sikap kepimpinan negara itu yang tidak mengambil inisiatif untuk menjelaskan kedudukan sebenar kepada media massa mengenai sumber kewangan yang diberikan untuk membiayai projek Empangan Pergau.

Beliau berkata, kerajaan Parti Konservatif pimpinan John Major seharusnya telah mengambil langkah untuk menjelaskan bahawa pihaknya hanya memberikan pinjaman untuk membiayai projek berkenaan dan bukannya bantuan kewangan.

"Minta dia (John Major) jelaskan mengenai sumber kewangan sama ada pinjaman atau gran. Perlu jelaskan sama ada dia beri

untuk kita atau pun syarikat yang diberikan kontrak," kata beliau ketika berucap pada majlis berbuka puasa anjuran Pergerakan Pemuda UMNO di sini, malam ini.

Dr. Mahathir menjelaskan bahawa adalah tidak benar sumber kewangan digunakan untuk kepentingan kerajaan, malah tiada satu sen pun diambil daripada jumlah itu.

Menurut beliau, pinjaman yang diberikan itu adalah semata-mata bagi dijadikan modal untuk dibayar kepada syarikat yang melaksanakan projek tersebut.

"Kita tak terima satu sen pun. Duit (pinjaman) yang diberikan itu bukan masuk poket Perdana Menteri (Dr. Mahathir)... semuanya digunakan untuk dibayar kepada syarikat yang diberikan kontrak pembinaan projek Pergau," katanya.

Kerajaan telah memberikan kontrak tersebut kepada Syarikat Balfour Beatty dari Britain setelah

kerajaan tersebut bersetuju memberi pinjaman berjumlah 305.4 juta sterling pada kadar faedah yang amat rendah iaitu 0.809 peratus setahun.

Sebaliknya akhbar-akhbar Britain menuduh kerajaan telah memberikan gran kepada Malaysia.

Selain itu, akhbar-akhbar tersebut juga mengkritik penglibatan syarikat Britain dalam projek pembinaan Empangan Pergau.

Ekoran kritikan dan tuduhan bahawa Kerajaan Malaysia dan pimpinan Dr. Mahathir adalah rasuah, Jemaah Menteri pada Rabu lalu memutuskan tidak akan menawarkan syarikat-syarikat Britain sebarang kontrak baru terutama dalam projek yang melibatkan bantuan kerajaan.

Perdana Menteri memberitahu, rancangan untuk membina empangan di Kelantan telah lama dirancang dan kerajaan menerima bantuan kertas cadangan.

Bagaimanapun kata beliau, kerajaan hanya menerima tawaran negara tersebut memandangkan ia memberikan pinjaman pada kadar faedah yang rendah.

"Sekiranya Britain tidak beri pinjaman negara lain boleh beri pinjaman," katanya.

Tambah beliau, bagi mengelakkan media mas-

sanya menganggap kerajaan negara mengamalkan pentadbiran yang kononnya berasuah, tindakan menghentikan penawaran kontrak adalah wajar.

"Kalau dia kata kita rasuah kita henti berikan kontrak kepada mereka. Sudah tentu tiada anggapan rasuah lagi.

"Dengan tidak diberikan kontrak, macam mana dia

nak kata kita rasuah ... dia patut berterima kasih kepada kita, tetapi marah pula," katanya lagi.

Beliau menjelaskan, kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas sekiranya media massa terus memperlihatkan sikap kurang ajar terhadap Malaysia. "Setakat ini kita berhenti beri kontrak. Kalau kurang ajar, kita akan fikir cara lain," ujarnya.